



(27 November 2020) Sinar, p. 14.

Bilangan kes pulih tertinggi

Sebanyak 2,555 kes pulih dicatatkan semalam, kes positif menurun kepada 935 kes

Oleh TUAN BUQHAIKHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah tersebut menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya adalah 49,056 kes.

"Ia bersamaan dengan 80.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya dalam kenyataan semalam.

Kelmarin, kes pulih turut merekodkan jumlah tertinggi dengan 2,348 kes.

Dalam pada itu menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan kes baharu positif Covid-19 sebanyak 935 kes semalam.

"Ini menjadikan jumlah kes



Anggota Bomba dan Penyelamat menyembur bahan sanitasi di tempat kawasan tumpuan penduduk pada Program Inisiatif Bersepadu Mengekang Penularan Covid-19 di Kampung Bahagia, Sandakan semalam.

positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 60,752 kes dengan 11,348 kes dirawat di

hospital," katanya.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 931 kes adalah pe-

nularan dalam negara.

"Sabah hari ini (semalam) melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak 326 kes, diikuti Selangor 161 kes dan Negeri Sembilan 158 kes.

"Selain itu, Perak merekodkan 79 kes, Johor (60), Kuala Lumpur (59), Kelantan (28), Kedah (24), Pulau Pinang (17) dan Labuan (13).

"Putrajaya mencatatkan lima kes, Sarawak empat kes dan satu di Terengganu," katanya.

Katanya, terdapat pertambahan tiga kes kematian berikatan Covid-19 semalam.

"Ia menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah 348 kes," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 26 November 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 59,817 kes kepada 60,752 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI									
JUMLAH KESELURUHAN:	60,752	PULIH:	49,056	ICU:	110	KEMATIAN:	348	KES BAHARU	+935

